



NAJIB ketika mengumumkan kenaikan harga minyak di Putrajaya semalam. Turut hadir Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah.



ORANG ramai mengambil peluang mengisi minyak di sebuah stesen minyak di Klang, Selangor sebelum harga dinaikkan mulai tengah malam tadi.

Kerajaan masih tanggung subsidi 63 sen seliter untuk petrol, 80 sen diesel

Harga RON95, diesel naik 20 sen

PUTRAJAYA – Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan kenaikan harga minyak petrol RON95 dan diesel sebanyak 20 sen berkuat kuasa tengah malam tadi.

Menurut beliau, kenaikan itu merupakan salah satu langkah rasionalisasi subsidi oleh kerajaan.

“Pada masa ini, kerajaan menanggung subsidi minyak sebanyak 83 sen seliter bagi minyak petrol RON95 dan RM1 seliter bagi diesel,” kata Najib yang juga Menteri Kewangan dalam sidang akhbar di sini semalam.

Jumlah subsidi bahan api yang diperuntukkan oleh kerajaan bagi tahun ini ialah sebanyak RM24.8 bilion.

Pengurangan subsidi sebanyak 20 sen ini bermakna kerajaan masih memberi subsidi sebanyak 63 sen seliter bagi RON95 dan 80 sen seliter untuk diesel.

Pada 5 Jun 2008, harga petrol pernah mencecah RM2.70 seliter apabila kerajaan mengumumkan kenaikan sebanyak 78 sen daripada RM1.92 seliter, manakala diesel daripada RM1.58 kepada RM2.58 seliter akibat kenaikan harga minyak dunia.

Bagi mengurangkan bebanan golongan berpendapatan rendah dan mudah terjejas berikutan rasionalisasi subsidi bahan api itu, kerajaan akan meningkatkan pemberian Bantuan Rakyat Malaysia (BR1M) dalam Belanjawan 2014 yang jumlahnya akan

⚡ Kita mesti faham ini bukan soal politik, tapi soal masa depan negara, kalau ekonomi terjejas ia akan mendatangkan kesan buruk kepada rakyat

NAJIB

diumumkan semasa pembentangan belanjawan itu yang dijadualkan pada 25 Oktober ini.

Najib terdahulu, mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa dasar fiskal yang berlangsung setiap enam bulan sekali.

Perdana Menteri berkata, melalui dasar rasionalisasi subsidi bahan api itu, kerajaan akan menjimatkan sejumlah RM1.1 bilion pada tahun ini.

“Bagi tahun sepenuhnya, kita menjangka kira-kira RM3.3 bilion tetapi tahun ini kerana kita akan bermula esok pagi, jumlah itu kira-kira RM1.1 bilion,” kata beliau.

Dalam pada itu, Najib memberitahu, kenaikan harga minyak merupakan satu proses pengukuhan ekonomi bagi jangka pendek dan sederhana yang akhirnya bertujuan memberi kesan positif kepada kesejahteraan rakyat.

Beliau berkata, sekiranya ekonomi negara terjejas, ia akan mendatangi

kesan buruk kepada rakyat seperti keadaan di sesetengah negara luar yang menerima kesan teruk apabila mereka gagal menangani ekonomi dengan baik.

“Kita mesti faham ini bukan soal politik, tapi soal masa depan negara, kalau ekonomi terjejas ia akan mendatangkan kesan buruk kepada rakyat,” katanya.

Menjawab soalan, Najib berkata, proses rasionalisasi subsidi semanganya merupakan sebahagian daripada dasar kerajaan yang dimuktamadkan, namun kerajaan bertekad untuk melaksanakan secara berperingkat-peringkat bagi memastikan kesannya tidak membebankan.

Najib berkata, kenaikan harga bahan api itu akan memberi kesan minimum dan seterusnya beliau berharap agar para peniaga tidak mengambil peluang itu untuk menaikkan harga barang tanpa mengambil kira kepentingan rakyat.

INFO harga minyak petrol dan diesel

Harga tertinggi untuk petrol dan diesel di Malaysia pada:

Tahun	PETROL	DIESEL
5 Jun 2008	RM2.70	RM2.58

Tahun	RON95	RON97	DIESEL
Mei 2009	RM1.75	RM1.80	RM1.70
September 2009	RM1.80	RM2.05	RM1.75
Julai 2010	RM1.85	RM2.10	RM1.75
Disember 2010	RM1.90	RM2.30	RM1.80
September 2013	RM2.10	RM2.70	RM2.00

* Harga untuk seliter

Perbandingan harga petrol seliter di negara ASEAN

Indonesia - RM3.09
Brunei - RM1.55
Filipina - RM3.64
Singapura - RM5.27
Thailand - RM4.14
Kemboja - RM4.51

Laos - RM4.97
Vietnam - RM3.72

Sumber:
MyTravelCost.com

